



Jom Makan

**Northern Indian Cuisine -
Tanjung Ria Café, Hyatt
Regency Kota Kinabalu**



Dengan Chef (rujuk rencana Personality kami bulan ini) didatangkan dari India utara, Tanjung Ria Café di Hyatt Regency gembira menyenangkan hati pelanggannya dengan jamuan eksotik India utara setiap malam Jumaat. Bufet dipenuhi dengan hidangan menyelelerakan yang disediakan di atas meja bufet mereka, mengetengahkan makanan klasik India utara seperti beriani, tadoor, kebab, korma dan kari.

Tempat menarik

Pesona Terapung

Perjalanan selama 45 minit dari Semporna menaiki bot laju membawa anda ke sebuah pelabuhan terapung di laut biru dipanggil Kapalai yang terkenal sebagai antara tempat menyelam yang cantik di bahagian ini di dunia. Kapalai sememangnya unik kerana ia sebenarnya bukan sebuah 'pulau'. 40 chalet dibina di atas tiang kayu yang tinggi di tengah-tengah laut. Laluan kayu yang kukuh menghubungkan pelbagai bahagian di pusat peranginan terapung ini dan berjalan di laluan kayu ini memberikan peluang untuk anda menikmati keindahan pemandangan hidupan laut yang berenang di bawahnya.

Pusat peranginan ini memiliki 40 chalet, dilengkapi dengan keperluan asas, termasuklah kemudahan membuat teh dan kopi. Anda pasti akan puas hati dengan pemandangannya: Anda akan menyaksikan pemandangan memukau Laut Celebes walau ke mana-mana arah pun anda berpaling! Restorannya adalah daripada geladak kayu. Pelanggan boleh

makan di luar atau al fresco. Terdapat juga sebuah anjung tinjau pemancangan di tengah-tengah restoran itu yang membolehkan anda melihat pelbagai hidupan laut melintas di bawah. Geladak matahari, tempat kegemaran ramai, adalah kawasan hebat untuk bersantai sambil menikmati tiupan angin laut yang dingin.

Pusat Penyelaman membekalkan peralatan menyelam, snorkel dan berkayak untuk disewa. Tidak tahu menyelam tetapi teringin hendak melakukannya? Tiada masalah! Pusat ini menawarkan pelbagai kursus PADI, termasuk Laut Terbuka dan memperkenalkan Selaman Malam. Selepas menikmati syurga bawah air, jelajahilah kemudahan lain yang ditawarkan pusat peranginan itu termasuklah kedai cenderamata, bilik permainan dan perkhidmatan capaian jalur lebar (broadband).

**Ingin tahu lebih lanjut? Hubungi
Pulau Sipadan Resort di talian 087-
765200 atau lawati
<http://www.sipadan-kapalai.com/>**



KJ HERBAL SPA REFLEXOLOGY
THERAPY CENTRE SDN. BHD.

PROMOTION Rm 100

- Traditional Body Scrub - 30 mins
- General Body Massage - 60 mins
- Reflexology - 45 mins

* Rates applicable for in-house service only



Business Hours: 11.30am - 11.30pm (Daily)
Lot 4, 1st Floor, Wisma Damai, Jalan Damai I, Ujung, 86300 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 038-228252 Mobile: 012-8531115 / 013-5530338

* Transportation available
(extra charge applicable) 有专车接送 (另加收费)